

10/01/2003

Perang AS-Iraq beri kesan minimum ekonomi dunia

PEPERANGAN antara Amerika Syarikat (AS) dan Iraq jika berlaku dijangka hanya memberi kesan minimum kepada pertumbuhan ekonomi dunia tahun ini, kata Dekan London Business School, Laura D' Andrea Tyson.

Beliau berkata, berdasarkan kepada arah aliran semasa yang mana krisis di antara AS dan Iraq tidak memberi kesan langsung kepada kenaikan harga minyak, jika peperangan di antara kedua-duanya meletus sekali pun, ia tidak akan menjejaskan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia tahun ini antara

3.5 peratus hingga empat peratus.

"Saya bukan mahu menyokong kewajaran peperangan itu, tetapi jika ia tercetus dan AS memenangnya dengan cepat, ia akan membantu ekonomi dunia

terus mengalami pertumbuhan tanpa gangguan besar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas membentangkan kertas kerja bertajuk 'Globalisasi dan Tinjauan Ekonomi Dunia pada 2003' dalam forum sehari anjuran Persatuan Alumni London Business School Selangor dan

Wilayah Persekutuan di Putrajaya, semalam.

Hadir sama ialah Ketua Eksekutif Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff.

Tengku Mahaleel adalah ahli Lembaga Penasihat Rantau Asia Pasifik, London Business School.

Tyson berkata, sejak 1990-an tahap saling pergantungan ekonomi sesebuah

negara dengan negara lain semakin meningkat dengan menyaksikan peranan pemindahan modal jangka pendek daripada negara maju ke negara membangun.

Bagaimanapun, sehingga kini semakin ramai mempersoalkan keberkesanan modal portfolio jangka pendek sebagai pemindahan sumber antara negara yang

boleh diharapkan, katanya.

Beliau berkata, pengeluaran mengejut modal portfolio jangka pendek dan pergantungan berlebihan kepada hutang luar sudah menjejaskan banyak negara membangun.

Sehubungan itu, katanya, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) adalah lebih penting daripada aliran modal portfolio jangka pendek untuk membiayai pembangunan ekonomi.

Dengan memberikan contoh keadaan di Argentina yang pernah menjadi pusat

kemasukan modal portfolio jangka pendek, Tyson berkata, negara itu menghadapi kemeleketan sekarang apabila pemodal menarik keluar dana mereka

dengan mendadak,

Sementara itu, ketika menjawab pertanyaan peserta forum mengenai bagaimana berkesan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai

seorang ahli ekonomi, Tyson berkata, beliau amat berjaya seperti yang dibuktikan tahap pembangunan ekonomi Malaysia.

"Tahap pendidikan yang meningkat, keterbukaan perdagangan dan pembangunan ekonomi yang sihat boleh dikaitkan kepada pentadbiran Dr Mahathir," katanya.